



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8883 2545
Faks: 03-8889 5542
Email: anhisham@moh.gov.my

Ruj : KKM.600-30/12/12 Jld.3 (24)

Tarikh : 30 Disember 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/ Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BIL. 23 / 2023: PENGOPERASIAN FASILITI KESIHATAN PRIMER KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) BAGI PELANJUTAN WAKTU OPERASI SELEPAS WAKTU PEJABAT (*EXTENDED HOURS*) DI ENAM KLINIK KESIHATAN YANG TELAH MELAKSANAKAN PROJEK RINTIS STAR

1. TUJUAN

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan perubahan waktu operasi di enam buah klinik kesihatan (KK) di empat negeri bagi menangani isu kesesakan di jabatan kecemasan hospital yang berhampiran dengan KK tersebut.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Sebagaimana sedia maklum, pelanjutan waktu operasi selepas waktu pejabat bagi mengatasi kesesakan di jabatan kecemasan di hospital yang berdekatan dengan KK di bawah Projek Rintis STAR telah dilaksanakan sejak 25 Mac 2023 sehingga 31 Disember 2023. Projek ini telah dilaksanakan dengan kerjasama *Malaysia Productivity Corporation (MPC)*, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

2.2 Senarai KK yang terlibat dan tempoh pelaksanaan Projek Rintis STAR adalah seperti berikut:

KLINIK KESIHATAN	HOSPITAL KLUSTER	NEGERI	TARIKH MULA	TARIKH TAMAT
KK Bandar Botanik	Hospital Tengku Ampuan Rahimah	Selangor	25 Mac 2023	31 Disember 2023
KK Mahmoodiah	Hospital Sultanah Aminah	Johor	4 Jun 2023	31 Disember 2023

KLINIK KESIHATAN	HOSPITAL KLUSTER	NEGERI	TARIKH MULA	TARIKH TAMAT
KK Ampang	Hospital Ampang	Selangor	8 Jun 2023	31 Disember 2023
KK Taman Ehsan	Hospital Selayang	Selangor	8 Jun 2023	31 Disember 2023
KK Kuala Lumpur	Hospital Kuala Lumpur	W.P Kuala Lumpur	8 Jun 2023	31 Disember 2023
KK Greentown	Hospital Raja Permaisuri Bainun	Perak	8 Jun 2023	31 Disember 2023

2.3 Hasil dari penilaian projek ini, KKM telah memutuskan keperluan waktu operasi diubah bagi enam buah KK terlibat di atas kepentingan perkhidmatan.

3. WAKTU OPERASI BAHARU DI KLINIK KESIHATAN BERKAITAN

Waktu operasi baharu bekerja bagi enam KK berkaitan adalah seperti jadual di bawah:

Negeri	Waktu Operasi Klinik
Hari Kelepasan Mingguan pada Jumaat dan Sabtu	Ahad-Khamis 8.00 pagi – 9.30 malam Jumaat, Sabtu dan Hari Kelepasan Am/ Hari Kelepasan Negeri/ Hari Kelepasan Peristiwa 9.00 pagi hingga 1.00 petang
Hari Kelepasan Mingguan pada Sabtu dan Ahad	Isnin-Jumaat: 8.00 pagi – 9.30 malam Sabtu, Ahad dan Hari Kelepasan Am/ Hari Kelepasan Negeri/ Hari Kelepasan Peristiwa 9.00 pagi hingga 1.00 petang

***Waktu operasi baharu ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.**

4. PEMAKAIAN PEKELILING

Pekeliling ini hendaklah diguna pakai di KK Bandar Botanik, KK Ampang dan KK Taman Ehsan di Selangor, KK Mahmoodiah, Johor, KK Kuala Lumpur (KKKL), WPKL dan KK Greentown, Perak.

5. TANGGUNGJAWAB

5.1 Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri bertanggungjawab untuk:

- i. Memastikan arahan perubahan waktu operasi baharu ini dilaksanakan melalui Sistem Syif atau *Extended Hours* berdasarkan keperluan.
- ii. Memastikan sumber manusia mencukupi bagi melaksanakan perkhidmatan ini. **Anggota kesihatan pelbagai kategori hendaklah dimobilisasi dari fasiliti kesihatan termasuk hospital kluster bagi membantu dalam melaksanakan pemanjangan waktu operasi KK terlibat.**
- iii. Mengenal pasti keperluan dan kemudahan peralatan, termasuk peralatan ICT di KK yang terlibat agar perkhidmatan teratur dan efisien.
- iv. Memantau pelaksanaan waktu operasi baharu secara berterusan mengikut jadual seperti di atas.

6. TARIKH BERKUATKUASA

Arahan dalam surat pekeliling ini akan berkuatkuasa pada 30 Disember 2023.

7. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 8, Blok E10, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya.
No. Telefon : 03 - 8883 4011

8. PENUTUP

Pihak negeri diminta untuk memastikan perubahan waktu operasi baharu ini dilaksanakan supaya tujuannya dicapai. Susulan itu, surat bertarikh 29 Disember 2023 dengan no. rujukan KKM.600-30/12/12 Jld. 3 (23) adalah terbatal.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)

S.k.

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
2. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia
3. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia
4. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia
5. Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia
6. Pengarah Kanan
Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
7. Pengarah Kanan
Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia
8. Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia
9. Pengarah
Bahagian Pemakanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
10. Pengarah
Bahagian Pendidikan Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
11. Setiausaha Sulit Kanan
YB Menteri Kesihatan

SENARAI EDARAN

1. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
2. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
3. Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
4. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor